

Air laut naik darat

Alor Gajah: Kegembiraan enam sekeluarga menikmati percutian hujung minggu di sebuah pantai peranginan di Pengkalan Balak, Masjid Tanah, dekat sini, terbantut apabila chalet mereka dinaiki air laut sehingga 0.8 meter dalam kejadian ombak besar, semalam.

Kejadian jam 7 pagi itu menyebabkan pengusaha chalet memindahkan keluarga berkenaan ke tempat selamat dan menutup enam daripada 25 bilik yang dipenuhi air.

Penghuni chalet, Azman Noradli, 31, dari Perak berkata, dia yang menginap bersama isteri, Norlailli Ithnin, 29, dan empat anak berusia enam hingga 10 tahun ter-

kejut apabila air laut melimpah ke dalam chalet terbabit.

"Selepas selesai mandi, isteri menjerit kuat memaklumkan air laut masuk deras ke dalam chalet melalui pintu depan menyebabkan saya bergegas membuka pintu lalu membawa semua anak keluar," katanya.

Menurutnya, di luar dia melihat ombak besar menghempas tebing pantai pada jarak 10 meter dan menyebabkan air laut melimpah melepasi jalan.

Pengusaha chalet Abdullah Rahim Omar, 48, berkata, dia dan isterinya berada di depan chalet menyedari air mula melimpah di halaman hingga naik ke paras lutut



KANAK-kanak bermain air laut yang melimpah masuk di halaman chalet.

"Angin kuat lebih satu jam menyebabkan ombak naik tinggi ke darat dan memenuhi halaman chalet kurang 10 minit kemudian," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar

negeri Datuk Ismail Othman berkata, perkara itu akan dibincangkan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Perparitan dan Saliran Negeri (JPS) bagi mengkaji langkah mengatasinya daripada berlarutan.

"Kawasan pantai itu terdedah dari angin monsun hingga ombak mudah naik ke darat dan ia boleh diatasi dengan pembinaan tembok pemecah ombak dan menasihatkan orang ramai supaya berwaspada," katanya.